# SUMBER MANUSIA & LATIHAN

## Cadangan/Usul/Isu

**Wujudkan pasukan pengkaji keperluan pembangunan pengajar dan berkolibrasi dengan pusat latihan kemahiran terkemuka dunia secara aktif bagi meningkatkan mutu pengajar kita.**

***Aktiviti bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai-pegawai CIAST telah dilaksanakan sepanjang tahun dan hebahan serta maklumat berkaitan aktiviti dilaksanakan melalui emel dan Portal CIAST.***

***MBJ Bil.2/2022***

**Keperluan keahlian profesional Ts. dan Tc. dalam MBOT kepada mereka yang terlibat dalam latihan TVET sekiranya ada cadangan oleh pihak yang berkepentingan ke arah itu.**

***Berkaitan dengan pengumpulan mata CPD, ahli MBOT boleh mengikuti mana-mana kursus yang ditawarkan oleh CIAST sepertimana senarai kursus yang telah diluluskan oleh MBOT.***

***MBJ Bil.2/2022***

# SUMBER MANUSIA & LATIHAN

## Cadangan/Usul/Isu

**Pengisian kekosongan jawatan PLV/PPLV yang kosong di unit yang terlibat dengan latihan pengajaran akibat persaraan pegawai atau perpindahan pegawai perlu diisi dengan kadar segera.**

***Pihak pengurusan sentiasa mengambil berat isu kekosongan jawatan yang berlaku di CIAST. Laporan kekosongan jawatan telah dikemukakan kepada pihak JPK pada setiap bulan.***

***Mesyuarat turut mengambil perhatian mengenai cadangan pelan penggantian bagi pegawai yang sedang berkhidmat di CIAST untuk mengisi kekosongan di unit yang terlibat dengan latihan pengajaran di CIAST kerana kepakaran pengajar dalam sesuatu bidang latihan pengajaran tidak boleh dibentuk dalam masa singkat.***

***MBJ Bil.2/2022***

# SUMBER MANUSIA & LATIHAN

## Cadangan/Usul/Isu

### Naik taraf Personel MyStep ke COF di CSC

***Merujuk kepada MyPPSM Ceraian UP.1.1.1, kerajaan membenarkan perlantikan secara kontrak dibuat dalam keadaan tertentu. Permohonan perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan mengemukakan justifikasi yang kukuh dan peruntukan kewangan yang mecukupi.***
***Mesyuarat mengambil maklum bahawa usul ini melibatkan kos kewangan yang tinggi dan bercadang untuk dimasukkan ke dalam perancangan bagi tahun 2024.***

***MBJ Bil.3/2022***

### Team building untuk warga kerja jabatan diadakan

***Program Peningkatan Profesionalisma dan Jati Diri telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2022 di Taman Negara melibatkan 30 orang peserta dari pegawai CSC dan CIAST Shah Alam.***
***Manakala bagi tahun 2023 telah dimasukkan ke dalam Perancangan Bussiness Plan 2023 untuk pelaksanaan Kursus Team Building untuk pegawai CIAST.***

***MBJ Bil.3/2022***

# SUMBER MANUSIA & LATIHAN

## Cadangan/Usul/Isu

### Bangunkan kepakaran tenaga pengajar dengan pengiktirafan Jurutera IR.

***Taklimat mengenai pembangunan kepakaran tenaga pengajar dengan pengiktirfan Jurutera Profesional IR akan dilaksanakan pada tahun 2023.***

***MBJ Bil.3/2022***

### Urusan Mencari Pelajar Baharu

***Taklimat Program Latihan dan Outreach kepada Pusat Bertauliah Awam dan Swasta telah diadakan setiap bulan dengan merujuk persetujuan Pengarah CIAST: Nota Makluman Takwim Aktiviti Promosi CIAST bagi Tahun 2023 (CIAST.BKO/800-1(1)) bertarikh 23 Disember 2022. Sehingga kini, penyelarasan Bahagian Korporat bersama pengajar PPK yang dapat turut serta bagi bulan Jan dan Feb adalah seperti berikut:***

***18 Jan: Azmida Technical College, Taman Gombak Permai, Selangor (Tc. Mohamed Lotfi Arifin, PPK)***

***15 Feb: KV Klang (Kapten Tc. Mohd Nasirwan Mohamad Anas, PPK)***

***MBJ Bil.3/2022***